

Seorang wartawan Melayu yang ada di England telah menulis di dalam akhbarnya kasi tau orang ramai bahawa sultan anu tidak puasa, si anu tidak puasa dan si anu... tidak puasa. Tujuannya tentu mahu bongkar pada orang Melayu supaya tau hal sultan-sultan mereka dengan agama Islamnya. Tetapi kasihan rupanya wartawan yang menulis itu jahil dalam agama kerana mengapa perkara itu mesti diributkan sebab tidakkah Tuhan telah memberi kelonggaran kepada mereka dibenarkan tidak puasa dengan kerana mereka musafir? Dengan itu kalau mau tulis pasal agama mesti mengaji dahulu supaya jangan orang nanti bilang dia bahlul atau jahil murakkab!

Satu orang sudah tulis bilang bahawa di Pulau Pinang banyak gunakan kereta lembu (sebagai di Melaka hari Safar) untuk mengangkat kitab-kitab ke majlis muzakarah di sana. Ia menyatakan bahawa sama seperti Safar kesannya majlis itu sesudah habis – habis tidak ada lagi. Pandangan semacam ini seolah-olah menyindir bahawa ahli muzakarah itu “sama seperti keldai atau lembu bawa kitab tetapi tidak tau harganya! Kasihan orang semacam ini sudah berfikiran seperti “lembu” kerana ia jahil akan apa ertinya muzakarah itu. Kalau dulu orang bilang mau cari berkat cium tangan habib anu atau pergi ke rumah anu tetapi dengan adanya muzakarah perkara itu menjadi fikiran orang Islam – membuka mata mereka. Orang yang memandang seperti kereta lembu itu tentu segolongan daripada orang-orang jahil – orang yang bernama Islam tetapi tak tau apa dia Islam itu – apa kata pembaca betul begitu?

Menurut berita akhbar dalam perarakan Melayu pada 6 Jun 1953 kerana menyebut *coronation* banyak orang-orang yang berarak tidak puasa dan yang puasa terpaksa berbuka – sedang ada lori berisi minuman kononnya ada sedia mengikut sama, kerana dunia puasa dibuang – kasihan orang-orang cari dunia. Kita hanya mau tanya sebab anjuran ini daripada beberapa orang maka hal itu nanti tentu beberapa orang itu nanti menjawab di hadapan Tuhan – dan sudah tentu di dunia orang mau tanya apa Sidiqkah, Mahmudkah, atau Hasankah yang akan menanggung puasa yang dipecahkan mereka kerana mengadakan perarakan itu?! Pembaca-pembaca boleh timbang sendiri xxxx tetapi akhirat Allah punya tau.

Pas (atau Persatuan Islam Se-Malaya) di dalam risalahnya yang diterbitkannya bilang bahawa orang-orang yang menghendaki kerana Allah itu disuruhnya taubat. Ia bilang Allah sudah kaya, Malaya Allah tidak kehendaki! Kita fikir orang ini mesti taubat sebab orang ini sudah berdusta kepada Allah – ia sembahyang dengan mengaku “sembahyang, hidup dan matinya kerana Allah – tetapi ia belakangkan Tuhan – ia sebut kerana rakyat. Orang macam ini pendusta bukan?! Kalau orang beriman tentu tiap-tiap kerjanya kerana Allah bukan kerana.... tidak cari faedah dan tidak kerana orang atau manusia. Kalau kerana manusia tentu Ahmad Fuad ketuanya tau sendiri apa ertinya! Betul apa tidak tuan Haji Ahmad Fuad?!

PAS bilang: “Kita tetap memakai kompas yang tersendiri yakni “Quran dan Hadis”. Dengan kompas ini ia bercita-cita memandu dan memimpin umat Islam di Tanah Melayu ini menuju dan mara mencapai cita-cita dan tujuan yang suci k negara yang diredhai Allah. Keterangan

ini seolah-olah mendengar keterangan Tengku Abdul Rahman yang mengatakan UMNO bekerja kerana Islam! Syabas!

Tetapi kerjanya tidak kerana Allah!

Kerana apa! T.S.T!

Kerusi yang terletak di dalam bilik sejuk sekarang banyak dan kalau dijalankan kerana Allah tentu tidak

dapat duduk di sana. Oleh itu biarlah untuk Allah di belakang kerana Allah “takkan beri kerusi sejuk” – sebab itu perkara Allah tinggal belakang – ia kaya kita miskin dan sebab itulah biarlah si miskin dapat senang dahulu – Allah tinggal belakang – bagitukah yang dikehendaki?

Pas bilang berkompas Quran dan Hadis! Tetapi bagaimanakah berkompas dengan Quran dan Hadis kalau mereka “orang taklid”? Wahai penganjur-penganjur Pas! Baik-baik bercakap orang sekarang tidak telan bulat-bulat sahaja! Jangan suruh orang bertaubat kerana menjalankan “kerana Allah” tetapi tuan mesti taubat dahulu sebab tidak menjalankan “kerana Allah” sebab tiap-tiap kerja bukan kerana Allah tentu ada apa-apanya? Kalau berdasa Islam tentu Pas tidak bilang “tidak peduli dasar komuniskah, baratkah atau Islamkah”! – Hei hei baik-baik bilang – orang Islam tidak mau jadi komunis. Suara ini kita dengar seakan-akan sama dengan dasar “IMP”. Kalau begitu orang Islam baik-baik sebab nampaknya namanya Islam – bertopeng Islam – tetapi dasarnya bukan dasar Islam atau suara “tuannya” - siapa tuannya pembaca-pembaca boleh faham sendiri – betul apa tidak?! - Cemeti al-Farouk.